

69

**PEMBUKAAN SISTEM PERMOHONAN MENDUDUKI ARAS 4 PTK (PBU)
BAGI STAF BUKAN AKADEMIK**

Unit Latihan Jabatan Pendaftar -PEND

Telah Dihantar: 27 Disember 2010 15:57

Kepada: 'UUMNet'

Lampiran-lampiran:  carta alir proses mohon k~1.docx (17 KB) [Buka sebagai Halaman Web];

27 Disember 2010 / 21 Muharram 1432H

"UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**MAKLUMAT TAMBAHAN**

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Sukacita dimaklumkan bahawa setelah urusetia PBU-UUM membuka permohonan menduduki aras 4 penilaian PTK kaedah (PBU-UUM) sambutan amat menggalakkan. Walaubagaimanapun setelah diamati didapati kebanyakan daripada staf yang memohon untuk menduduki aras 4 ini masih belum layak untuk mengambil penilaian tersebut. Sekali lagi dimaklumkan bahawa syarat untuk menduduki penilaian aras 4 penilaian kaedah PBU ini ialah setiap staf perlulah terlebih dahulu melengkapkan mata minimum yang telah ditetapkan seperti berikut :-

SYARAT-SYARAT MENGIKUTI PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK) KAEDAH PBU (BUKAN AKADEMIK)

- 1) TELAH DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN;
- 2) TELAH BERADA DI GRED YANG DISANDANG SECARA HAKIKI;
- 3) DIPERAKUKAN OLEH KETUA JABATAN;
- 4) BERADA DI GRED KENAIKAN PANGKAT SELAMA SATU TAHUN; DAN
- 5) TELAH MENERIMA ANJAKAN GAJI (SELEPAS TEMPOH MASA 1 TAHUN).
- 6) MENCAPAI MATA MINIMUM PBU SEPERTI BERIKUT:

i. UNTUK GRED (17 – 54) CAPAI MATA MINIMUM PBU; (30 LATIHAN & 12 PENGEMBANGAN ILMU)

ii. UNTUK GRED (1-16) CAPAI MATA MINIMUM PBU; (20 LATIHAN & 22 PENGEMBANGAN ILMU)

Seperti yang dinyatakan dalam perkara bilangan (6), jumlah komponen mata yang perlu diikuti oleh staf mengikut kategori gred jawatan yang disandang sekarang. Pihak urusetia mendapati bahawa ramai staf yang memohon untuk menduduki aras 4 penilaian PBU mengalami masalah untuk mencukupkan mata bagi komponen pengembangan ilmu iaitu (12) bagi kumpulan staf di gred 17 – 54 dan (22) bagi kumpulan staf di gred 1- 16.

Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini disertakan proses yang telah dikemaskini di dalam sistem PBU untuk memudahkan semua staf untuk mengemaskini kehadiran untuk tujuan pengumpulan mata bagi komponen pengembangan ilmu. Semua staf yang ingin mengemaskini kehadiran mereka hanya perlu menyemak senarai aktiviti yang telah didaftarkan di dalam sistem dan boleh mengemaskini berdasarkan aktiviti yang dipaparkan di dalam sistem tersebut. Proses kemaskini seperti yang dilampirkan. **[carta alir proses mohon kemaskini mata tambahan Pengembangan Ilmu (PBU) (Semua Staf)].**

Sebarang pertanyaan berkaitan tuan/puan boleh menghubungi pegawai di talian berikut: En. Muzamil (04-9283047), Pn. Filzah (04-9283371) dan Pn. Harnani(04-9283087)

Sekian, terima kasih.

=====

DARIPADA:
Unit Latihan
Bahagian Pembangunan Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar
Universiti Utara Malaysia